



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 FEBRUARI 2018 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|----------------------------------|----|
| - 150 sertai Tarik Jentera Bomba | 20 |
| - Jumlah OKP di Ampang menurun | 20 |

Utusan Malaysia

- | | |
|-------------------------------------|----|
| - 'Degil bertempat, tegas berhemah' | 27 |
|-------------------------------------|----|

KOSMO

- | | |
|--|----|
| - Penduduk Bukit Saga resah kediaman dilanda banjir lumpur | 19 |
|--|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 FEBRUARI 2018 (SELASA)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	150 sertai Tarik Jentera Bomba
Muka Surat	20

stf 20/2/18 m/s 20
150 sertai Tarik Jentera Bomba



Warga kerja MPAJ bergambar bersama dengan masyarakat dan anggota bomba dan penyelamat.

PANDAN INDAH - Seramai 150 peserta yang terdiri daripada 10 pasukan menyertai pertandingan Tarik Jentera Bomba sempena Hari Tanpa Kenderaan Februari 2018 Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), baru-baru ini.

Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad berkata, pertandingan ini adalah terbuka kepada semua dan perlu memenuhi syarat yang dikenakan.

"Pertandingan ini adalah percuma, manakala syaratnya adalah 11 orang lelaki dalam setiap pasukan," katanya melalui kenyataan media.

Beliau berkata, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PSP) dan KDEB menjadi johan pertandingan itu, manakala



Bersepakat menarik jentera bomba.

Jabatan Pelesenian Naib Johan dan tempat ketiga adalah Jabatan Belia dan Masyarakat

"Warga kerja MPAJ ber-

sama masyarakat menyertai pertandingan ini, setiap pemenang membawa pulang hadiah wang tunai," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 FEBRUARI 2018 (SELASA)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Jumlah OKP di Ampang menurun
Muka Surat	20

Jumlah OKP di Ampang menurun

ST 20/2/18 M/S 30

Kerjasama, kempen berterusan perlu diteruskan

AHMAD ISMADI ISMAIL

AMPANG

Bilangan orang kena pengawasan (OKP) atau penagih dadah yang diawasi Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) daerah Ampang menunjukkan penurunan.

Pemangku Ketua Pegawai AADK daerah, Mohd Alam Shah Hamdan berkata, sebelum ini seramai 900 OKP berada di Ampang.

"Kini hanya 600 OKP, jumlah penurunan ini adalah hasil kerja-



Kakitangan AADK Ampang bergambar bersama komuniti pada flashmob Hari Antidadah Kebangsaan.

info

Jumlah OKP di Ampang sebelum ini 900 orang

Pengerusi Jawatankuasa Pemulihan Dadah Kawasan Ampang, Abdul Hafiz Md Noor menyatahgunaan dadah merupakan ancaman kepada masyarakat.

"Masyarakat juga harus memberi sokongan kepada AADK dan bekas penagih untuk memulihkan mereka," katanya.

Pihaknya juga mahu masyarakat terlibat secara langsung dalam menjayakan segala program AADK.

"Kita tidak seharusnya meminggirkan bekas penagih, kita harus bersama memulihkan mereka supaya golongan ini dapat menabur bakti dalam komuniti," katanya.

ma dengan masyarakat di sini termasuk pelbagai kempen kesedaran kepada komuniti," katanya.

Pihaknya juga telah melaksanakan Program Perangi Dadah Habis-

habisan 3.0.

"Ada tiga kawasan dalam program ini iaitu Hulu Kelang, Pandan dan Ampang. Program ini juga turut melibatkan komuniti.

"Kita tidak boleh bersendirian memerangi isu ini, kerjasama dengan pemimpin komuniti perlu bagi mengatasi isu dadah ini," katanya semalam.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 FEBRUARI 2018 (SELASA)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	'Degil bertempat, tegas berhemah'
Muka Surat	27

'Degil bertempat, tegas berhemah'

4M 20/2/18 M/S 27.

SEJAK akhir-akhir ini semakin ramai melanggar peraturan atau undang-undang yang ditetapkan pihak berwajib terutama daripada pihak berkuala sa tempatan (PBT).

Sikap gopoh dan mementingkan diri ini membuatkan mereka tidak teragak-agak menggunakan laluan keemasan, melanggar lampu merah, berhenti di petak kuning serta salah guna lorong khas bas dan teksi.

Keengganan dan kedegilan mematuhi peraturan itu mungkin disebabkan ada yang beranggapan PBT hanya memiliki bidang kuasa yang kecil dan tidak mungkin tindakan undang-undang yang diam-bil mampu menjelaskan masa depan mereka.

Pada golongan seperti ini apalah sangat nilai sekeping notis amaran dan kadar denda serendah RM30 yang dikeluarkan oleh PBT.

Persoalan yang timbul sekarang apakah penyelesaian kepada permasalahan ini sehingga akhirnya ada yang berani memperlekeh dan seolah-olah kebal daripada tindakan undang-undang?

Penulis berpendangan, banyak aspek yang boleh diberi perhatian dan perbaiki dalam isu pematuhan peraturan ini.

Pertamanya, PBT perlu melihat tentang keperluan penambahbaikan peruntukan undang-undang sedia ada yang mungkin memerlukan pengemaskinian dari semasa ke semasa.

Dalam aspek penguatkuasaan pula, elemen rasuah dan kepentingan diri khususnya mereka yang menguatkusakan undang-undang perlu dipantau.

Jika berlaku ketirisan maka hukuman setimpal perlu dikenakan bukan sahaja kepada mereka yang berada di bawah bahan mereka yang di-

PETAK

KUNING

Roslah Othman

kota@utusangroup.com.my



Apakah penyelesaian
kepada permasalahan
ini sehingga akhirnya
ada yang berani
memperlekeh
dan seolah-olah kebal
daripada tindakan
undang-undang?

atas.

Selagi tindakan tidak diam-bil, maka masyarakat akan terus bersikap prejudis terhadap agensi penguat kuasa yang disifatkan lemah.

Sebaik mana pun peratu-ran dan undang undang yang digubal tidak akan jadi pelin-dung jika penguatkuasaannya longgar.

Justeru penguatkuasaan secara berterusan dan konsisten perlulah dilakukan pihak berkuasa bagi memastikan undang undang dipatuhi.

Tindakan penguatkuasaan tidak wajar dilakukan se-cara bermusim seperti hanya musim perayaan atau sebagainya.

Segala-galanya bergantung kepada kesedaran dan menta-liti masyarakat mengenai aspek pematuhan, dan di pihak PBT pula ketegasan dalam menguat kuasakan undang-undang itu.

Bagi penulis kedegilan adal-h sifat manusia normal, namun biarlah kena pada tem-patnya, begitu juga ketegasan yang perlu disulami sifat adil dan berhemah.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 FEBRUARI 2018 (SELASA)

Akhbar	KOSMO
Tajuk Berita	Penduduk Bukit Saga resah kediaman dilanda banjir lumpur
Muka Surat	19

Penduduk Bukit Saga resah kediaman dilanda banjir lumpur

Kosmo 20/2/18 Mys 19.

AMPANG - Penduduk pangaspuri Jalan Saga 28, Taman Bukit Saga di sini hidup dalam ketakutan setiap kali waktu hujan kerana bimbang kejadian tanah runtuh dan banjir lumpur kembali berlangganan.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati rata-rata penduduk masih traumatis dengan kejadian banjir lumpur yang menimpas kawasan kediaman mereka pada 24 Januari lalu yang didakwa berpunca dari projek Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Klang (Suke).

Seorang penduduk, Siti Ang, 60, mendakwa, kejadian itu menyebabkan kebanyakan kereta yang diletakkan di bahagian bawah pangaspuri ditenggelami lumpur pada paras tayar.



"Setiap kali waktu hujan semua penduduk akan risau kerana bimbang kejadian sama akan berulang. Kita juga terpaksa menutup cermin tingkap yang menghadap ke arah tapak projek kerana tidak mau habuk masuk," dakwanya ketika ditemui di sini semalam.

Mengimbau semula tragedi itu, seorang lagi penduduk, Mohd. Nizam Mat Norin (gambar kecil), 30, berkata, dia menyedari kejadian banjir lumpur itu berlaku pada pukul 10.45 pagi sebaik bangun tidur selepas terdengar bunyi bising.

"Apabila ditinjau, saya lihat bahagian bawah pangaspuri telah dipenuhi lumpur. Semua penduduk bergegas turun untuk mengalihkan kereta dan pada



KEDUDUKAN tapak projek Suke yang terlalu hampir dengan Pangaspuri Jalan Saga 28 di Ampang membuatkan penduduk risau kejadian banjir lumpur dan tanah runtuh berlaku setiap kali hujan.

masa sama pihak bomba sudah tiba untuk membantu," kata-

nya yang kecewa dengan pihak pemaju kerana mengabaikan

keselamatan orang ramai.

Tambahnya, kejadian itu telah menyebabkan sebahagian penduduk kerugian ribuan ringgit akibat kerosakan harta benda.

"Kerja menambak tanah dilihat tidak mengambil kira kedudukan sistem perparitan kecil. Jadi banjir lumpur berlaku apabila air melimpah terutamanya ketika hujan," dakwanya.

Seorang lagi penduduk, Chua Wen Fung, 19, memberitahu, kawasan Bukit Saga kini tidak lagi menjadi tumpuan orang kerana ia sudah dicemari.

"Dulu, kawasan ini mempunyai pemandangan hijau cantik dan kita dapat lihat pemandangan bandar raya Kuala Lumpur. Sejak projek Suke dijalankan, cuaca di sini semakin panas dan pengunjung semakin kurang" dakkannya lagi.